

DAKWAH ISLAMIAH KEPADA ORANG ASLI DI PULAU CAREY BANTING SELANGOR: ISU, CABARAN DAN PERMASALAHAN

Halim bin Mokhtar

halim@kuis.edu.my

Zulkefli bin Aini

zulaini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang beberapa isu dan permasalahan yang berkaitan dengan usaha dakwah yang dilakukan terhadap orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor. Antara isu yang diketengahkan ialah penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap dakwah Islamiah di Pulau Carey Banting Selangor. Ini melibatkan pengetahuan mereka tentang ajaran Islam dan sikap mereka terhadap Islam. Di samping itu, perbincangan juga menjurus kepada penglibatan mereka dalam program-program yang dianjurkan oleh organisasi-organisasi tertentu seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Perbincangan juga ditumpukan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dalam menerima dan menolak dakwah yang disampaikan kepada mereka. Tujuan utama kajian ialah pertama mengkaji penerimaan masyarakat Orang Asli dari segi pengetahuan mengenai ajaran Islam dan sikap mereka terhadap Islam. Seterusnya kertas ini turut mengetengahkan beberapa cabaran dan halangan dalam usaha dakwah kepada mereka serta beberapa cadangan untuk memastikan kelangsungan dakwah di Pulau Carey Banting Selangor.

Pendahuluan

Usaha dakwah merupakan suatu gerak kerja yang mengembelingkan tenaga, fikiran dan material kearah pencapaian matlamat tertentu. Ia memerlukan kesungguhan para pendakwah untuk berhadapan dengan kelompok sasaran berdasarkan kaedah dan pendekatan tertentu. Namun kerja dakwah sebagaimana yang diakui oleh Syed Abdurrahman (2008: 156) bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia melibatkan masalah mengubah pegangan dan kefahaman hidup manusia. Ini menepati dengan maksud dakwah yang dikemukakan oleh al-Bahi al-Khawli (1979: 35) bahawa gerakan dakwah berusaha memindahkan manusia dari suatu persekitaran kepada suatu persekitaran yang lain. Kenyataan tersebut bertepatan dengan pandangan Mohd. Amin Abdul Rahim (2010: 161) yang menyatakan bahawa tugas

dakwah memerlukan pendakwah yang komited untuk berdakwah secara sepenuh masa dan ia bukanlah suatu perkara yang mudah. Ini kerana pendakwah perlu berhadapan dengan sasaran yang mempunyai kepelbagaian latar belakang termasuklah kepercayaan, adat resam, taraf pendidikan dan pemikiran. Perkara-perkara, tersebut menurut `Abd Allah Nasih `Ulwan (1985: 4), memerlukan seorang pendakwah yang benar-benar bersedia dari sudut keilmuan, fizikal dan kerohanian. Di samping itu, cabaran yang datang dari pihak pendakwah sendiri ialah penampilan diri dan pendekatan yang digunakan ketika berinteraksi dengan kelompok sasaran. Justeru, menurut Mohamad Natsir (1978: 180-181), pendekatan yang terbaik ialah pendekatan yang difahami melalui ayat 125 daripada surah al-Nahl yang menjurus kepada pendekatan *al-hikmah, al-maw`izah al-hasanah* dan *al-mujadalah bi al-husna*.

Menurut Mohd. Amin Abdul Rahim (2010: 165), terdapat enam faktor yang menyumbang kepada penerimaan sasaran terhadap dakwah, iaitu pengurusan dan pentadbiran dakwah, sikap sasaran, imej pendakwah, naluri yang tidak mudah dipengaruhi, keadaan emosi yang tidak normal dan salah teknik penyampaian. Terdapat dua punca yang menyebabkan sasaran menolak seruan dakwah yang disampaikan kepada mereka, iaitu latarbelakang sasaran dan sikap serta ciri peribadi sasaran terhadap dakwah. Dalam konteks sikap sasaran, beberapa perkara yang menjadi penyebab mereka tidak menerima dakwah, iaitu terdapat percanggahan mesej dengan nilai (*values*), sikap (*attitudes*) dan kepercayaan (*beliefs*) sasaran; sikap tidak peduli (*apathy*) dan ragu-ragu (*specticism*) terhadap mesej yang disampaikan oleh pendakwah. Ini kerana mereka menyangka bahawa mesej yang disampaikan tidak menyentuh keperluan dan kepentingan mereka. Antara kesan yang timbul dari sikap sedemikian ialah mereka mengambil tindakan berkecuali atau terus menolak mesej yang disampaikan jika timbul keraguan dari pihak mereka. Sementara itu, imej pendakwah juga menentukan samada dakwah yang disampaikan diterima atau ditolak. Ini melibatkan kewibawaan pendakwah, kepakaran dan kelebihanannya dalam mesej yang disampaikan, komitmen pendakwah dengan mesej, komitmen pendakwah kepada sasaran, keikhlasan dan kejujuran pendakwah menjalankan tugas dakwah dan kedinamikan serta kecergasannya berada di lapangan bersama dengan sasaran.

Menurut Syed Abdurahman (2008: 157) terdapat tiga halangan utama yang menjadi penyebab mengapa orang Asli lambat menerima dakwah yang disampaikan kepada mereka, iaitu halangan dari pihak pendakwah sendiri, halangan dari kelompok sasaran, dan halangan yang datang dari luar. Dari sudut pendakwah, kekurangan pendakwah yang mampu, berkebolehan, berkemahiran, berketrampilan untuk melakukan usaha dakwah. Ini diakui oleh

Hood Salleh (1991: 8), bahawa pendakwah menyumbang kepada kegagalan berdakwah kepada orang Asli, terutama dari empat aspek, iaitu pendakwah yang kurang melengkapkan diri dengan maklumat asas tentang kerjaya mereka, pendakwah mempunyai motivasi rendah untuk mengenali sasaran mereka yang menyebabkan mereka tidak mempunyai kegigihan untuk menjalankan aktiviti dakwah, usaha pendakwah yang tidak disokong dan dibantu oleh aktiviti-aktiviti komuniti kejuruan terutama dari orang Melayu yang kebanyakannya melakukan perkara-perkara yang boleh dikategorikan sebagai anti sosial terhadap komuniti sasaran, pendakwah kurang bersedia dari aspek pengurusan sahsiah yang sering mempamerkan imej angkuh. Di samping itu, menurut al-Bayanuni (1995: 325-360) permasalahan yang datang dari pihak pendakwah disebabkan beberapa faktor, antara ialah salah memahami konsep dakwah Islamiyyah yang sebenar dan disiplin ilmu dakwah, kurang memahami kewajipan berdakwah, tidak mempunyai keselarasan dari segi gerak kerja dakwah terutama yang membabitkan penglibatan ramai pendakwah, lalai memahami sunnah ketuhanan dalam kehidupan berdakwah yang menyebabkan berlakunya gejala gopoh dalam membuat bertindak dan berputus asa daripada keputusan yang diambil, tidak teliti dalam bertindak sehingga mengulangi kesilapan yang pernah dilakukan oleh pendakwah lain, Sementara itu, halangan yang datang dari sasaran sendiri ialah kepercayaan dan adat resam yang diwarisi, cara hidup atau persekitaran kehidupan mereka dan sikap mereka terhadap pendakwah serta salah tanggapan atau penerimaan kepada ajaran Islam yang disampaikan kepada mereka (Syed Abdurahman 2008: 175).

Latar belakang Orang Asli Mah Meri Pulau Carey Banting Selangor

Masyarakat Orang Asli yang mendiami Pulau Carey ini adalah terdiri daripada kaum Mah Meri. Menurut Roland Werner (1974) Mah Meri membawa makna 'Orang Hutan' iaitu perkataan "Mah" bermaksud Orang dan "Meri" bermaksud Hutan. Sementara dalam istilah Mah Meri disebut 'berbisik' (<http://orangaslimalaya.blogspot.com/2012/03/suku-kaum-mah-eri.html>). Perbezaan mereka dengan masyarakat orang Asli yang lain adalah dari sudut bahasa. Pertuturan kaum Mah Meri dikenali sebagai Besisi dan istilah Orang Besisi atau Sisi digunakan sebelum perkataan Mah Meri wujud (Iskandar Carey 1976: 132).

Budaya dan struktur sosial masyarakat Mah Meri lebih kepada corak Melayu-Proto. Walau bagaimanapun kaum Mah Meri menggunakan bahasa dari rumpun Senoi. Ini kerana mereka adalah sebahagian dari kumpulan Senoi dari jenis bahasa Man-Khmer (Shaiful Bahri 2003: 44; http://mahmeri.blogspot.com/p/orang-asli_05.html). Masyarakat Orang Asli yang

dikelompokkan di dalam keluarga Senoi ini, sering dikaitkan sebagai kelompok senoi yang mengelirukan kerana mengamalkan cara hidup seperti masyarakat Melayu (Iskandar Carey 1976: 33). Malah mereka juga dianggap sebagai puzzling people (manusia yang pelik) kerana dari segi budaya dan struktur sosialnya mereka adalah Melayu-Proto Kaum asli Mah Meri hanya terdapat di negeri Selangor sahaja. Pulau Carey di Kuala Langat Selangor merupakan kawasan yang paling ramai dihuni oleh kaum Mah Meri (Halim Mokhtar 2002: 19). Terdapat lebih kurang 12 perkampungan Orang Asli Mahmeri yang mana semuanya terletak di pesisiran pantai Negeri Selangor, iaitu Kampung Orang Asli Bangkung Chuchuh, Kampung Orang Asli Tanjung Sepat, Kampung Orang Asli Teluk Tongkah, Kampung Orang Asli Kelanang, Kampung Orang Asli Pulau Banting, Kampung Orang Asli Sungai Bumbun, Pulau Carey, Kampung Orang Asli Sungai Rambai, Pulau Carey, Kampung Orang Asli Kepau Laut, Pulau Carey, Kampung Orang Asli Sungai Judah, Pulau Carey, Kampung Orang Asli Sungai Kurau, Pulau Carey, Kampung Orang Asli Pulau Indah, dan Kampung Orang Asli Bagan Hailam (http://mahmeri.blogspot.com/p/orang-asli_05.html). Berdasarkan senarai tersebut, terdapat lima perkampungan orang Asli di Pulau Carey, iaitu Kampung Sungai Bumbun, Kampung Sungai Judah, Kampung Sungai Rambai, Kampung Kepau Laut, dan Kampung Sungai Kurau. Pulau Carey yang terletak di daerah Kuala Langat Banting Selangor adalah sebuah pulau yang dipenuhi dengan ladang kelapa sawit milik Syarikat Golden Hope (Halim Mokhtar 2002: 19).

Keseluruhan masyarakat Orang Asli Mah Meri masih mengamalkan budaya dan adat resam mereka sendiri. Mereka masih mengamalkan kepercayaan animisme yang mempercayai bahawa pokok, batu dan sungai mempunyai kuasa baik dan kuasa jahat. Walau bagaimanapun mereka mempercayai kuasa yang tertinggi yang mencipta alam dan manusia dikenali sebagai Tuhan. Di bawah kuasa tertinggi Tuhan ialah moyang, iaitu roh datuk nenek dan pelbagai jenis hantu serta makhluk halus samada yang membawa unsur kebaikan mahupun keburukan. Mereka sangat menghormati moyang yang terdiri daripada datuk nenek yang telah lama meninggal dunia dan orang yang termasyhur atau terkenal ketika hidupnya. Justeru, bagi memperingati jasa roh moyang yang diyakini telah membantu dalam segala aktiviti kehidupan, mereka mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan sepanjang tahun untuk menzahirkan rasa kesyukuran kepada roh tersebut (Shaiful Bahri Md Radzi 2003: 44).

Antara perayaan keagamaan orang Asli Mah Meri, menurut Halim Mokhtar (2002: 24) ialah perayaan Hari Moyang yang kebiasaannya disambut pada awal bulan Februari. Hari pemujaan 'moyang laut' atau 'puja pantai' diadakan secara besar-besaran yang diketuai oleh

seorang bomoh. Upaca dimulakan dengan perarakan dari kampong hingga ke tepi laut sambil diiringi oleh paluan muzik tradisional. Dalam upacara tersebut, mereka mempersembahkan makanan kepada moyang bagi memohon restu moyang supaya mereka memperolehi hasil tangkapan yang banyak di samping memohon keselamatan mereka terjamin. Sementara pemujaan dan persembahan ke atas moyang yang dikenali sebagai 'moyang amai', 'moyang gadang' dan 'moyang getah' dilaksanakan di makam-makam perkuburan atau di rumah moyang masing-masing. Sementara itu, ada kalangan orang Asli Mah Meri yang mengadakan perayaan 'puja darat' terutama mereka yang mendiami Kampung Sungai Bumbun kerana mereka mengusaha aktiviti ekonomi berasaskan pertanian (Shaiful Bahri Md Radzi 2003: 45). Mereka juga mempercayai bahawa sesuatu kejadian yang berlaku samada baik atau buruk membawa petunjuk untuk mereka memulakan sesuatu pekerjaan atau perjalanan. Dalam kajian yang dilakukan oleh Halim Mokhtar (2002: 25) mendapati bahawa antara kepercayaan mereka ialah makan tebu di waktu malam mengisyaratkan seolah-olah menghisap darah saudara sendiri, berjalan di waktu panas dipercayai boleh disampuk hantu, menunjuk pelangi dengan jari akan menyebabkan tangan atau jari akan kudung, makan kerak nasi memberi petanda seseorang itu tidak boleh membayar hutang, bersikap kedekut garam akan mengakibatkan kubur seseorang akan dipenuhi air apabila dikebumikan nanti, membasuh kelambu di sungai merupakan petanda akan mati dimakan buaya, menyembelih ayam di waktu malam mengakibatkan akan disumpah oleh ayam, bersiul di dalam rumah merupakan isyarat memanggil hantu dan makan pisang di rumah orang mati adalah seperti memakan jari si mati.

Menurut Rohayu Roddin et. Al (2010: 412), orang Asli Mah Meri mempunyai kemahiran dari segi ukiran kayu khususnya ukiran patung dan topeng. Oleh kerana kehidupan mereka dipenuhi dengan mistik dan kepercayaan kepada alam sekitar, rupa bentuk ukiran patung dan topeng yang dihasilkan turut dipengaruhi oleh unsur-unsur tersebut. Ia merupakan hasilan ilham dari mimpi yang merupakan gambaran cerita dari nenek moyang yang berasaskan mitos.

Penerimaan Masyarakat Orang Asli terhadap Dakwah Islamiah.

Menurut Halim Mokhtar (2002: 38), majoriti orang Asli masih lagi menganut agama animisme atau agama yang dianuti turun temurun dari nenek moyang mereka. Hanya sekitar 8% mereka yang menerima dakwah dan menjadi penganut agama Islam. Keadaan ini

menunjukkan bahawa perkembangan dakwah Islamiah dari jumlah penganut adalah tidak menggalakkan atau memberangsangkan. Antara faktor yang menyumbang kearah itu, menurut Halim Mokhtar (2002: 39), ialah faktor ekonomi. Malah menurut Abdullah Muhammad Zain (1996: 28), ia merupakan masalah besar yang menghalang gerakan dakwah islamiah dalam kalangan orang Asli. Faktor ini ditambah pula dengan sikap mereka yang terhutang budi dengan orang Cina yang menjalankan perniagaan dan terpengaruh dengan cara hidup mereka yang suka berjudi. Faktor pendidikan yang rendah juga turut menyumbang kepada penerimaan mereka kepada dakwah islamiah. Menurut Halim Mokhtar (2002: 41), taraf pendidikan yang rendah ini memberi kesan kepada sikap mereka untuk berfikir secara rasional dan menerima sesuatu yang baharu. Dengan kata lain, kejumudan fikiran dan kedangkalan ilmu pengetahuan dilihat menjadi penyebab kepada halangan mereka menerima dakwah dan sekali gus tidak berminat terhadap program-program penerangan yang bercorak keilmuan.

Sikap Masyarakat Orang Asli terhadap Ajaran Islam

Orang Asli masih lagi mempunyai sikap yang negatif terhadap ajaran Islam. Keadaan ini, menurut Halim Mokhtar (2002: 44), disebabkan latarbelakang pendidikan yang rendah. Dengan ini pemikiran mereka tidak terbuka dengan perkembangan semasa dan tidak mendapat pendedahan tentang agama Islam. Malah mereka masih lagi terhibau dan terpengaruh dengan pandangan Tok Batin tentang sejarah pahit yang dialami oleh nenek moyang mereka mengenai perbuatan salah laku orang Melayu terhadap mereka. Di samping itu terdapat beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada sikap mereka terhadap agama Islam, iaitu:

1. Berpegang teguh dengan ajaran kepercayaan nenek moyang.

Ini merupakan kepercayaan keturunan dan keluarga. Apabila memeluk agama Islam telah memberikan gambaran yang negatif seperti akan hilang status Orang Asli dan takut dipanggil Mah Jobo' (atau orang Melayu) sekiranya meninggalkan agama nenek moyang mereka. Dalam kes tertentu Tok Batin yang agresif akan memberikan tekanan kepada yang memeluk Islam dengan dipinggirkan dan dipulau dalam kampung tersebut. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa keluar dari kampung tersebut sekiranya ingin terus menganut agama Islam.

2. Kebebasan dalam kehidupan.

Perilaku masyarakat orang Asli adalah sebuah masyarakat yang bebas dan tidak suka dikawal. Kebebasan dalam konteks ini adalah yang melibatkan semua perkara. Ajaran Islam telah meletakkan beberapa larangan yang khusus seperti minum arak, makan babi dan pergaulan bebas yang semuanya itu merupakan habit masyarakat Orang Asli. Apabila memeluk Islam, mereka perlu meninggalkan perkara kesukaan tersebut. Ini sesuatu yang berat apabila kehendak mereka dikawal dan dilarang menyebabkan alasan ini dijadikan untuk tidak menerima Islam.

3. Sikap kecewa dengan masyarakat orang Melayu.

Sejarah suka duka diantara masyarakat orang Asli dan masyarakat orang Islam sentiasa dibaca dan diulang siaran dari dulu, kini dan selamanya oleh Tok Batin tentang bagaimana dan mengapa mereka menolak Islam. Inilah merupakan faktor yang paling popular dalam kalangan masyarakat orang Asli. Masyarakat orang Melayu yang ada menjalankan urus niaga atau sebagainya akan menjadi alasan kerana ada dalam kalangan mereka yang tidak jujur di dalam perniagaan tersebut menyebabkan hilang keyakinan terhadap orang Melayu yang tidak langsung kepada agama Islam yang menjadi anutan kepada masyarakat Orang Melayu. Pandangan terhadap orang Melayu ini merupakan suatu persepsi yang kononnya orang Melayu suka menindas, tidak berlaku adil, tidak berakhlak dan sebagainya (Abdullah Muhammad Zin 1998: 107). Mereka juga tidak mahu dikaitkan dengan orang Melayu, apatah lagi mereka berfahaman bahawa masuk Islam adalah masuk Melayu. Mereka beranggapan dengan memeluk agama Islam maka mereka tidak lagi menjadi orang Asli Mah Meri tetapi menjadi Mah Jobo' atau orang Melayu.

Sikap Masyarakat Orang Asli Terhadap Aktiviti Dakwah

Kebiasaannya, aktiviti-aktiviti dakwah dianjurkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Menurut Halim Mokhtar (2002: 47-51), secara umumnya mereka menerima dengan baik program-program dakwah yang dianjurkan oleh JKOA berbanding pihak JAIS dan JAKIM. Keadaan ini disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah:

1. Faktor Nama Islam

Program-program yang berorientasikan Islam atau yang bertema Islam akan dipandang sepi oleh masyarakat Orang Asli kerana mereka beranggapan bahawa program seperti ini bertujuan untuk memaksa mereka memeluk agama Islam. Begitu juga dengan organisasi-

organisasi yang mempunyai nama Islam seperti JAIS, JAKIM dan semua organisasi yang berjenama Islam.

2. Faktor Publisiti

Publisiti adalah perkara penting dalam memastikan sesuatu program akan mendapat sambutan dan dihadiri oleh kumpulan sasaran. Kelemahan dan kegagalan publisiti akan menyebabkan maklumat program tidak dapat disampaikan. Begitulah keadaan yang berlaku dikalangan masyarakat orang Asli di mana program yang dirancang gagal mendapat perhatian dan publisiti. Kebergantungan kepada Tok Batin untuk menyampaikan maklumat dan publisiti menyebabkan berlakunya penyampaian maklumat yang diharapkan tidak berlaku apabila Tok Batin gagal berperanan atau Tok Batin tidak menyokong program yang ingin dilaksanakan. Mungkin ada yang beranggapan bahawa dari segi protokol segala maklumat mesti melalui Batin adalah satu kemestian, tetapi ia juga mengundang kesilapan besar apabila Batin tidak menjalankan tugas menyampaikan. Inilah yang telah berlaku di Pulau Carey yang menyebabkan program yang dianjurkan sering tidak mendapat perhatian daripada masyarakat orang Asli.

3. Faktor Pelaksanaan Program

Setiap pelaksanaan program perlu perancangan yang teliti dan tersusun seperti yang telah dijadualkan. Pelaksanaan program secara tergesa-gesa atau *ad hoc* telah menyebabkan urusan publisiti, persediaan dan pelaksanaan program terbatas seterusnya menyebabkan kehadiran peserta juga tidak menggalakkan yang akhirnya program dilaksanakan sekadar memenuhi taqvim atau jadual. Ini telah dibukti dengan kenyataan daripada Ketua Kg Melayu Pulau Carey yang menyatakan bahawa program yang ingin dilaksanakan tidak dimaklum lebih awal dan tiada perancangan pentadbiran bagi mengujudkan intergrasi antara kampung Melayu dan kampung orang Asli. Perkara telah menyebabkan berlakunya persepsi yang menganggap masyarakat Melayu tidak bekerjasama dalam menjayakan program.

Faktor Orang Asli Menganut Islam

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa jumlah penduduk orang Asli Mah Meri di Pulau Carey memeluk agama Islam adalah dalam sekitar 8%. Pengislaman mereka, menurut Halim Mokhtar (2002: 46-47), adalah didorong oleh faktor-faktor berikut, iaitu:

1. Perkahwinan

Ia merupakan sebuah ikatan yang telah menyebabkan individu masyarakat orang Asli memeluk Islam apabila berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam. Dalam kes tertentu perkahwinan terpaksa dijalankan kerana melakukan zina dan mengandung anak luar nikah dengan pasangan yang beragama Islam.

2. Imbuhan

Faktor imbuhan adalah perkara penting dalam kehidupan masyarakat Orang Asli. Setiap sesuatu mesti memberikan pulangan atau imbuhan untuk diri mereka. Dengan memberi imbuhan pada setiap perkara khususnya Tok Batin dapat merubah banyak perkara kerana ia dilakukan kerana imbuhan. Namun dengan imbuhan juga boleh menyebabkan tergut sebuah perhubungan dan kerjasama kerana setiap sesuatu mesti mempunyai nilai material untuk mencapai sesuatu matlamat.

3. Keturunan

Lahirnya penganut agama Islam yang baharu adalah melalui faktor ibu bapa. Lantaran ibu bapa yang telah memeluk agama Islam telah menyebabkan anak-anak mereka telah menambahkan jumlah bilangan penganut agama Islam.

4. Pergaulan

Hubungan yang erat di antara masyarakat orang Asli dan masyarakat orang Melayu telah melahirkan dan mendekatkan mereka tentang perbezaan budaya dan agama. Pergaulan yang baik telah mempengaruhi dan mewarnai gambaran masyarakat orang Asli tentang Islam, dan telah menyebabkan mereka memeluk agama Islam dan lebih ketara ialah tanggapan jadi Melayu atau dalam bahasa orang Asli "Mah Jobo" satu gelaran yang tidak popular.

Cadangan Pendekatan Dakwah Kepada Orang Asli Pulau Carey

Walaupun sebilangan besar masyarakat Orang Asli Pulau Carey menolak dakwah Islamiah yang disampaikan, namun penolakan ini bukan sesuatu yang mutlak kerana masih banyak ruang dan peluang yang dapat dilakukan demi kejayaan dakwah. Ini kerana setiap individu

muslim berpeluang menjadi pendakwah yang mampu memberikan penerangan tentang Islam kepada mereka.

Pendekatan dakwah mesti dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu kepada program mega, sebaliknya konsep dakwah *bi al-hal* perlu sentiasa diadakan dan dilaksanakan seperti program ziarah, ramah mesra dan program turun padang diadakan sekerap mungkin sehingga masyarakat Orang Asli mengenali dan menjalinkan hubungan seterusnya dapat menyampaikan penerangan mengenai Islam dalam erti kata sebenar. Menurut Norhaza (1995:12) terdapat tiga perkara yang perlu diambil perhatian dalam usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli, iaitu:

1. Dakwah secara *fardiyyah* iaitu seorang pendakwah berupaya menjalinkan hubungan langsung dengan individu yang ia dekati yang akhirnya menbibitkan keyakinan dan kepercayaan di antara satu sama lain.
2. Dakwah *bi al-hal* yang amat berkait rapat dengan akhlak dan teladan yang dipamerkan oleh seorang pendakwah (Abdullah Muhammad Zin 1996: 44) . Di samping itu, dakwah jenis ini berkait rapat dengan aktiviti pembangunan yang menyumbang kepada kemajuan sosio budaya dan ekonomi sasaran.
3. Penggunaan bahasa dan penguasaan bahasa mampu memberikan kelebihan di dalam mendekati dan memahami yang disampaikan.

Berikut adalah beberapa cadangan pendekatan dakwah yang difikirkan boleh membantu usaha dakwah kepada orang Asli, iaitu:

1. Pendakwah.

- 1.1 Memperbanyakkan program pembangunan dan latihan kepada para pendakwah khusus yang berhadapan dengan masyarakat Orang Asli.
- 1.2 Mengujudkan jawatankuasa khas atau task force bagi membantu melaksanakan program dakwah melibatkan JAKIM, JAIS, JHEOA dan wakil kampung Melayu .
- 1.3 Membuat penyelidikan tentang sosio budaya masyarakat Orang Asli dari segi sosiologi, antropologi, psikologi yang akan memudahkan penyampaian dakwah.(Syed Othman al-Habshi 1993:8)

2. Pengurusan Organisasi.

- 2.1 Meningkatkan jaringan kerjasama yang mantap antara agensi kerajaan. Kerjasama ini penting bagi merancang dan menghadapi cabaran yang mendatang dapat diselesaikan secara kolektif. Sindrom *one man show* tidak sewajarnya diamalkan kerana ia boleh merugikan seluruh organisasi dakwah.
- 2.2 Merangka dan menganjurkan program khidmat masyarakat atau dakwah *bi al-hal* secara berjadual dan berkala bagi memastikan masyarakat Orang Asli dapat didekati.
- 2.3 Pemimpin tempatan, ketua dan pegawai organisasi jabatan kerajaan mestilah sentiasa mengadakan program turun padang bersama masyarakat orang Asli.

3 Cadangan Pendekatan Pendidikan dan Pelajaran

- 3.1 Sasaran utama ialah anak masyarakat Orang Asli yang mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan menerapkan program pendekatan tentang cara hidup Islam seperti berdoa dan menerapkan penerangan tentang Islam. Di samping itu pendekatan program motivasi dan pembinaan insan untuk memacu anjakkan pemikiran dikalangan mereka supaya dapat membentuk suatu pemikiran yang rasional dan bermakna.
- 3.2 Lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang dapat mendedahkan tentang kemajuan Islam seperti muzium Islam. Program seperti ini taja sepenuhnya bagi memberi peluang kepada anak masyarakat orang Asli terdedah dengan dunia luar dan kemajuan semasa.
- 3.3 Kursus seminar dan seminar kepada kepimpinan masyarakat Orang Asli dan Batin-Batin setiap kampung perlu diadakan bagi membentuk satu pemikiran baharu dengan pendedahan dengan realiti sebenar sebuah kemajuan dan disamping penerangan tentang Islam dapat membentuk sebuah kepimpinan yang mencipta pembaharuan dikalangan masyarakat Orang Asli kerana Batin merupakan ikutan yang paling setia dan penghormatan yang sangat tinggi.

Kesimpulan

Cabaran berdakwah kepada masyarakat Orang Asli yang tidak menerima dakwah Islamiah kerana pegangan agama dan kepercayaan menuntut pendakwah agar menyusun strategi dan pendekatan dakwah yang lebih berkesan kepada mereka. Ini memerlukan sokongan dan bantuan pihak-pihak berwajib yang mempunyai kepentingan kepada penduduk orang Asli. Dengan mempelbagaikan program yang bersifat kemasyarakatan atau dakwah *bi al-hal* boleh menarik minat mereka kepada agama Islam, apatah lagi program-program seperti itu mempunyai kepentingan dari segi memenuhi keperluan asas mereka.

Rujukan:

- Abdullah Muhammad Zain. 1996. Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli. Dlm Kumpulan Kertas Kerja Bicara Dakwah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan . Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Carey Iskandar.1976. *Orang Asli, The Aboriginal Tribe of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur.Oxford Universiti.
- Halim Mokhtar. 2002. Penerimaan Dakwah Islamiah Di Kalangan Masyarkat Orang Asli: Kajian Kes Di Pulau Carey Banting Selangor. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hood Salleh. 1991. “Dakwah Islamiah dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia” dalam Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar (editor), *Islam Cabaran dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Khawli, al-Bahi. 1979. *Tadhkirat al-Du`ah*. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Mohd. Amin Abdul Rahim. 2010. *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Cetakan ke-3. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Mohamad Natsir. 1978. *Fiqh al-Da`wah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Norhaza Ahmad Redzuan.1995.Strategi Dakwah Islam Terhadap Non Muslim.Kertas Kerja Seminar Metodologi Pengajaran Terhadap Tamadun Islam peringkat Kebangsaan.Anjuran PPI/ITM.Kuching: ITM Sarawak.
- Rohayu Roddin et.al. 2010. “Pendekatan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dalam Melestarikan Keupayaan Pelancongan Desa: Satu Kajian dalam Komuniti Orang Asli” dalam http://www.eprints.uthm.edu.my/4133/1/Unlock-pendekatan_program_satu_daerah_satu_industri.pdf. Diakses pada 1 November 2014.
- Roland Werner.1997. *Mah Meri: Culture of Healing In Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2003. Pantun Suku Kaum Mah Meri. *Akademika*62. Januari: 41-57.
- Syed Abduahman Syed Hussin. 2008. “Dakwah Kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan”. *Jurnal Usuluddin*. 155-183.
- `Ulwan, `Abd Allah Nasih. 1985. *Hadhihi al-Da`wah: Ma Tabi`atuha*. Beirut: Dar al-Salam.
- Zaini Hamzah. 1988. *Dakwah dalam Masyarakat Majmuk: Satu Kajian Kes di Malaysia*.Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.